

# 'Saya bukan Robin Hood, hanya bertindak adil'

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hairan dengan sikap segelintir ahli Parlimen yang membantah tindakan kerajaan berhubung penyasaran subsidi dalam kalangan T15.

Katanya, beliau bukanlah 'Robin Hood' seperti yang didakwa sesetengah pihak apabila memperkenalkan rasionalisasi subsidi terhadap golongan T15 dalam Belanjawan 2025, baru-baru ini.

Sebaliknya Anwar berkata, beliau hanya bertindak adil dalam membantu golongan berpendapatan rendah di negara ini

"Kita sedang kaji pendapatan sebenar T15. Tetapi bagaimana dengan pendapatan RM100,000 sebulan, ada juga sejuta pendapatan.

"Tetapi ada perdebatan di Parlimen, saya hairan dengan bagaimana pula? Lagi ramai ahli Parlimen yang mempertahankan T15 berbanding rakyat yang (jumlah) 85 peratus," katanya dalam Program Temu Anwar di Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) di sini, semalam.

Anwar berkata, Malaysia adalah antara negara yang memberikan subsidi tertinggi dan sistem pencukaaian terendah di dunia.

"Kalau kita nak jaga golongan miskin, kita mesti ada sumber yang cukup. Kita mewarisi hutang sehingga RM1.5



**ANWAR Ibrahim dalam Program Temu Anwar di Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

trilion dan kita tidak mahu cukai rakyat. Cuma kita cukai sedikit terhadap golongan maha kaya.

"Itu bukan Robin Hood, tetapi hanya menarik subsidi. Bayangkan, ada golongan terkaya di negara ini, di mana polisi kita sebelum ini mereka dapat subsidi elektrik daripada kerajaan.

"Kerajaan cuma mahu mereka bayar harga kos, bagi saya itu adil. Jika ada pihak yang nak jadikan isu politik, tidak

adil dan tidak munasabah, itu hak mereka," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, dunia Islam khususnya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) seharusnya dilihat tegas berhubung soal konflik Timur Tengah khususnya membabitkan serangan di Gaza, Palestin.

Menurut Anwar, negara Islam perlu ada kekuatan untuk merungkai isu tersebut dan akan dilihat lemah jika gagal

berbuat demikian.

Katanya, beliau telah diminta untuk menghadiri Persidangan Khas OIC yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi.

"Semalam Putera Mohammed Salman (Putera Mahkota Arab Saudi) maklum ada Persidangan Khas OIC di Riyadh, minta saya hadir.

"Saya jawab insya-Allah cuba, tetapi saya kata harus ada (nampak) kuat sikit, kalau tidak, kita nampak lemah," katanya.